



**Idris bersama Zubaidi (dua dari kanan)** melawat pameran pada majlis Pelancaran Program 2U2i Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan di UniSZA, semalam.

# Lima UA laksana program 2U2i mulai September

→ Program bantu universiti perkukuh hubungan dengan industri

Oleh Faizul Azlan Razak  
bhkt@bh.com.my

■ Kuala Nerus

**L**ima universiti awam (UA) akan melaksanakan program pembelajaran akademik di kampus selama dua tahun dan menimba pengalaman industri selama dua tahun lagi (2U2i), mulai September ini.

Universiti terbabit ialah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pihaknya melihat pengalaman industri selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi melahirkan graduan holistik dengan ciri keusahawan dan seimbang.

“Program 2U2i juga antara platform terbaik bersifat serampang dua mata kerana membantu universiti memperkuatkkan hubungan dengan industri. Program dilaksanakan

Info

## Program 2U2i

→ **Belajar sambil bekerja**, belajar dua tahun dan timba pengalaman dalam industri selama dua tahun lagi.

→ **Bagi tingkatkan** kebolehpasaran, persediaan, kemahiran pelajar universiti untuk alam pekerjaan.

untuk meningkatkan kebolehpasaran, persediaan dan kemahiran pelajar universiti untuk memasuki alam pekerjaan.

## Sasaran 80 peratus

“Malah, kita meletakkan sasaran 80 peratus kebolehpasaran apabila pelajar terbabit menamatkan pengajian,” katanya selepas Pelancaran Program 2U2i dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara UniSZA dengan industri tempatan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa.

Idris berkata, jumlah universiti melaksanakan program 2U2i akan ditambah pada tahun depan dan kementerian akan memastikan kursus ditawarkan di UA yang lebih memerlukan pengalaman graduan untuk mengisi pekerjaan, menggunakan konsep berkenaan.